



SIARAN MEDIA

PRESS RELEASE

SEMINAR KELESTARIAN KESELAMATAN NEGARA

Kuala Lumpur, 16 April 2015 – Buat julung kalinya Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan Seminar Kelestarian Keselamatan Negara dengan tema “**Cabaran Fahaman Radikal dan Ekstremisme Terhadap Keselamatan Negara**”. Seminar tersebut dirasmikan oleh YB Mejar Jeneral Dato’ Seri Jamil Khir Bin Haji. Baharom (B), Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya melancarkan Program Penerangan Jihad Peringkat Perkhidmatan Awam di Auditorium INTAN Bukit Kiara.

Inisiatif penganjuran yang dilaksanakan oleh INTAN dan JAKIM ini bukan sahaja terjemahan kepada aspirasi YAB Perdana Menteri dalam konteks Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang mahukan agensi kerajaan bekerja secara kolaborasi. Malah, kerjasama ini adalah

manifestasi kepada hasrat YAB Perdana Menteri yang inginkan penerangan jihad yang sebenar diperluaskan kepada seluruh anggota dan jentera Perkhidmatan Awam.

Penganjuran seminar ini sememangnya amat tepat pada masanya apabila negara turut merasa tempias daripada pelbagai isu mengenai keganasan dan keradikalan yang melanda dunia. INTAN sebagai pusat kecemerlangan pembangunan modal insan Perkhidmatan Awam memainkan peranan begitu signifikan dalam konteks pembangunan modal insan melalui latihan. Maka, INTAN mengambil inisiatif ini dalam memberikan pemahaman dan pengetahuan kepada penjawat awam berkaitan konsep jihad yang sebenarnya dalam konteks dan spektrum yang lebih luas melalui seminar ini. Melalui penganjuran seminar tersebut penjelasan yang komprehensif dapat dikongsikan berhubung kefahaman radikal dan ekstrem dengan ancaman keselamatan Negara. Seminar ini juga diharap dapat menjernihkan kekeliruan penjawat awam mengenai konsep jihad dan seterusnya memperbetulkan persepsi negatif masyarakat yang mengaitkan Islam dengan aktiviti keganasan, radikal dan ekstrem.

Seminar ini amat relevan dan signifikan sekali memandangkan ia lebih komprehensif di dalam memahami perkaitan topik-topik yang diperkatakan dengan aspek keselamatan, hubungan antarabangsa, dasar-dasar Negara dan siasah syariah. Perbincangan berkisar mengenai empat komponen utama meliputi (1) fahaman radikal (2) jihad (3) kebaikan dan kerosakan dan (4) pendirian serta pendekatan yang patut diambil. Penganjuran seminar ini turut selari dengan kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam di bawah Teras 5 iaitu Membudaya Nilai: Membudayakan Patriotisme, Nilai-nilai Murni, Etos dan Integriti. Melalui penghayatan dan amalan nilai murni, penjawat awam diharap dapat memperkukuh jati diri, lantas berkeupayaan menangkis pengaruh anasir-anasir luar yang boleh menjejaskan keselamatan dan kedaulatan Negara.

Pengisian sehari seminar tersebut telah mengundang seramai 8 orang ahli panel yang terdiri daripada kalangan ilmuwan, sarjana, profesional dan mereka yang terlibat secara langsung dengan isu keselamatan, fahaman radikal dan ekstremisme serta penerangan berkaitan usaha-usaha kerajaan dalam menghadapi ancaman radikal dan ekstremisme dalam empat (4) tema yang berbeza. Antara ahli panel yang terlibat adalah:

- i. YBhg. Prof. Dato' Paduka Dr. Mohamad Abu Bakar, Profesor
Jabatan
Pengajian Antarabangsa dan Strategik, Fakulti Sastera dan
Sains Sosial,
Universiti Malaya
- ii. YBhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Kamal Hassan
Profesor Ulung, *The International Institute of Islamic
Thought and Civilization*
(ISTAC)
- iii. YBhg. SS Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri
Mufti Wilayah Persekutuan
- iv. Supt. Mohd Zaini Akhir , *Counter Terrorism*, Cawangan
Khas Bukit Aman
dan ramai lagi.

Risalah terbaharu terbitan JAKIM berkaitan Jihad juga turut diedarkan kepada peserta yang hadir dengan tajuk "Jihad dan Konsepnya". Risalah terbitan JAKIM ini adalah kerjasama dengan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, PDRM dan MKN. Sebanyak 20,000 naskah telah dicetak untuk edaran umum.

Dianggarkan seramai 500 penjawat awam hadir dalam seminar tersebut. Turut hadir bersama ke seminar ini adalah YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Dato' Haji Othman Mustapha, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN.

###

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205
Emel: korporat@intanbk.intan.my

16 April 2015